

29 AUG 1998

Mahathir-Modal

KERAJAAN TIDAK AKAN KENAKAN PENGAWALAN MODAL, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak akan mengenakan halangan terhadap pergerakan modal keluar dan masuk ke negara ini.

"Kita tidak berhasrat untuk mengawal pergerakan modal," katanya ketika menutup seminar mengenai perkhidmatan dan produk kewangan Islam di Institut Kefahaman Islam di sini hari ini.

Apabila ditanya mengenai peletakan jawatan Gabenor Bank Negara Tan Sri Ahmad Mohd Don dan timbalannya Datuk Fong Weng Phak, beliau berkata: "Mereka mahu berhenti, menurut akhbar ia disebabkan oleh perselisihan faham (mengenai dasar kewangan), jadi saya fikir saya menerimanya."

"Memang, kami ada beberapa perbezaan, kerajaan tidak pernah bersetuju kepada idea yang kita harus menaikkan kadar faedah dan mengurangkan kredit kerana ini akan menyebabkan penguncupan dan kita telah menyaksikan angka-angka suku kedua Keluaran Dalam Negara Kasar," katanya.

Penguncupan itu adalah lebih buruk daripada jangkakan, kata Perdana Menteri.

Malaysia mencatat pertumbuhan -1.8 peratus pada suku pertama.

Apabila ditanya sama beliau terkejut dengan peletakan jawatan itu, beliau berkata: "Tidak, sebenarnya tidak, kita fikir beliau telah lama meletak jawatan kerana beliau tahu tentunya kita tidak meluluskan dasar yang dicadangkan oleh beliau, tetapi beliau memilih untuk tidak meletak jawatan sebelum ini."

Mengenai samada beliau (Ahmad Don) akan dipujuk supaya kembali, Dr Mahathir berkata: "Tidak, tidak."

Beliau menambah bahawa Ahmad Don "meletakkan jawatan sekarang kerana beliau tentu mempunyai sebab-sebab sendiri."

Dalam mengumumkan peletakkan jawatan itu lewat semalam, Kementerian Kewangan juga menyatakan bahawa seorang daripada Penolong-Penolong Gabenor, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz, akan dilantik sebagai Pemangku Gabenor Bank Negara berkuatkuasa 1 Sept 1998.

Apabila ditanya samada Dr Zeti akan dilantik sebagai Gabenor, Dr Mahathir berkata: "Belum tahu lagi, Zeti dilantik sebagai Pemangku Gabenor untuk tujuan perundangan."

-- BERNAMA

AA/ARA JR AKD